

Program EEP galak PDK jana pendapatan OKU

Oleh AQLAHMIOR
KAMARULBAID

penyair@utusan.com.my

■ KUALALUMPUR 22 NOV.

INISIATIF Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperkenalkan Program Pemuliharaan Ekonomi (EEP) di semua Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) berjaya membantu menjana pendapatan pelatih Orang Kurang Upaya (OKU).

Program EEP yang bermula 2012 itu dijalankan dengan memberi kursus dan latihan kemahiran bagi meningkatkan kebolehan, keupayaan dan kemampuan golongan dewasa OKU mengikut potensi mereka.

Tahun ini sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan kepada 150 buah PDK di seluruh negara sebagai persiapan memulakan program EEP dengan lebih 500 pelatih mengikut program tersebut.

PDK berperanan sebagai pusat sehati yang melaksanakan program menggunakan pendekatan integrasi komuniti di setiap daerah dan negeri berteraskan modal *home based*, *centre based*

dan *centre-home based*.

Melalui PDK, perkhidmatan kepada OKU akan disediakan di satu tempat bagi memudahkan mereka dan masyarakat mendapatkan maklumat, khidmat nasihat dan keperluan semasa serta latihan yang bersesuaian.

Antara produk yang dihasilkan adalah pakaian dan kraftangan seperti *key chain*, beg cenderhati, sulaman, kotak tekat emas, telekung, baju Melayu, baju kurung, sarung kusyen, sarung bantal dan cadar tilam yang secara tidak langsung program tersebut memberi pekerjaan kepada OKU serta dapat melatih golongan itu untuk hidup berdikari.

Begitu juga dengan PDK Kasih Templer (Autisma) di Batu Caves, Selangor yang menyahut seruan JKJ dengan mengorak langkah untuk mengusahakan Projek Cendawan Tiram sebagai salah satu peluang untuk menjana sumber pendapatan PDK tersebut.

Pengerusi PDK Kasih Templer, Datuk Saiful Bahri Abdul Hadi berkata, setiap PDK akan merangka program dan aktiviti, penambahbaikan PDK, pembangunan serta latihan yang membabitkan pelatih, penyelia, petugas, ibu bapa dan penjaga serta komuniti.

"Kerana itu, setiap PDK digalakkan secara aktif mencari alternatif sumber kewangan melalui kerjasama dengan pihak luar sama ada individu atau syarikat melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kami di sini membantu pusat pemulihan ini melalui penjualan bongkah cendawan dan cendawan tiram kepada komuniti dan peniaga. Di rumah cendawan ini mampu menampung 500 bongkah cendawan dan dijual pada harga antara RM18 hingga RM20 sekilo," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Tambah Saiful Bahri, walaupun tanaman cendawan tiram tidak memerlukan modal yang tinggi serta tanah yang luas, namun teknik khusus amat diperlukan bagi kejayaan tanaman



PETUGAS PDK Kasih Templer, Samsiah Mohd. Yusof bersama rakan setugas sentiasa memastikan hasil tanaman buah-buahan dan sayuran berada dalam keadaan baik agar mampu membantu menambah pendapatan pusat pemulihan autisme itu.

Objektif EEP

- Meningkatkan kebolehan, keupayaan, kemampuan serta kemahiran bagi petugas PDK dan OKU dewasa mengikut potensi yang ada dalam diri.
- Satu kaedah untuk memberi pekerjaan kepada OKU di PDK.
- Melatih OKU untuk hidup berdikari dalam masyarakat.
- Mempelbagaikan program atau aktiviti vokasional di PDK sesuai dengan keperluan OKU yang dewasa.
- Memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa OKU adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai hak yang sama dalam pembangunan komuniti.



SAIFUL BAHRI
ABDUL HADI

tersebut yang bergantung kepada kemahiran teknik penjagaan dalam proses pemeliharaan dan penyelenggaraan.

"Melalui usaha ini golongan OKU dapat meningkatkan kebolehan, keupayaan, kemampuan serta kemahiran bagi membantu mereka lebih berdikari. Pelatih di sini akan diajar cara membuat bongkah, menyelenggara benih cendawan, menyiram bongkah, memetik dan merekod.

"Selain menjual cendawan, kami juga menjual produk hiran berasaskan cendawan iaitu sos cili cendawan yang mendapat permintaan tinggi daripada masyarakat setempat," jelasnya.

Katanya, selain memberi fokus kepada projek cendawan tiram, petugas dan pelatih di PDK Kasih Templer juga mengusahakan Kasih Mart yang merupakan pusat jualan setempat yang diwujudkan dalam kawasan PDK tersebut.

Menurutnya, Kasih Mart itu akan berfungsi sebagai tempat pemasaran, pameran, pembuatan, pembungkusan dan penjenamaan produk keluaran PDK Kasih Templer seperti Cendawan Tiram Sutura, Biskut Bangkit Kelapa, Popia Kacang Hijau dan Maruku.

"Kini Kasih Mart dinaik taraf sebagai Hab Pengumpulan Produk (HPP) bagi membantu me-



ANTARA aktiviti yang dijalankan di PDK Kasih Templer bagi membolehkan anak-anak autisme mampu menjalani kehidupan seperti golongan biasa.

masarkan serta mempamerkan produk dari PDK lain. Selain itu, pelbagai jenis sayuran dan buah-buahan ditanam di sekitar PDK ini bagi tujuan jualan dan keperluan anak-anak OKU di sini. Dalam masa sama PDK ini menyediakan peluang pekerjaan (*internal job coach*) untuk melatih mereka berdikari serta meningkatkan kemahiran dan kualiti perkhidmatan," ujarnya.

Dalam memastikan anak-anak istimewa di PDK Kasih Templer terus menerima pendidikan dan kemudahan terbaik, Saiful Bahri

tidak mahu menoleh ke belakang sebaliknya terus merencana pelbagai perancangan termasuk membuka Kafe Kasih yang dijangka beroperasi pada Januari ini serta berhasrat menubuhkan taman asuhan.

"Taman asuhan itu akan dibuka lima hari seminggu bagi memudahkan ibu bapa yang bekerja meninggalkan anak-anak di bawah kawalan mereka yang boleh dipercayai sekali gus membantu petugas di sini memperoleh pendapatan sampingan," katanya.



PELATIH, Mohd. Umar Shamsudin yang juga merupakan ahli Kelab Advokasi semakin mahir mengendalikan tanaman cendawan tiram atas bantuan petugas di PDK Kasih Templer di Taman Sri Melati, Batu Caves, Selangor.